

AGENDA DAILY

Perak kedua termiskin: Zambry panggil KRI, EPU, Jabatan Statistik

Terakhir dikemaskini: 02 September 2016

By YUSOF HARUN

Terkejut selepas Perak didakwa negeri kedua termiskin selepas Kelantan... kerajaan negeri Perak mengesyorkan satu perbincangan dengan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Jabatan Statistik sesuatu yang perlu diberi perhatian seberapa segera.

Syor Menteri Besar Dato Seri Dr.Zambry Abd Kadir dilihat sangat sifnifikan kerana kekeliruan berhubung kajian KRI jika tidak ditangani boleh menjaskan imej pemerintah negeri terutama menjelang pilihanraya umum akan datang.

Penafian dipihak kerajaan negeri dilihat belum cukup untuk menangkis sebarang prejedis yang timbul dalam konteks KRI meletakkan Perak negeri kedua termiskin selepas Kelantan yang berada ditangga terbawah.

Ulasan kali kedua dibuat Menteri Besar selepas mesyuarat EXCO pada Rabu ekoran dari keputusan KRI iaitu cabang institut penyelidikan milik sayap pelaburan kerajaan Khazanah, bahawa Perak negeri nombor dua paling miskin selepas Kelantan.

Keputusan kajian ini dianggap kerajaan negeri Perak sebelum ini sebagai tidak konklusif juga telah menimbulkan kontroversi dengan pembangkang kini bertepuk tangan.

Laporan KRI menunjukkan Perak negeri kedua paling miskin selepas Kelantan kerana 81.1 peratus bilangan isi rumahnya berpendapatan kurang RM6,000 sebulan. Perlis dan Pahang juga antara negeri yang mempunyai peratusan isi rumah berpendapatan kurang RM6,000 yang tertinggi iaitu masing-masing pada kadar RM80.3 peratus.

Pertemuan serta perbincangan KRI serta EPU dan Jabatan Statistik dengan kerajaan negeri Perak penting sebelum itu ini terus dipermodalkan pembangkang untuk tujuan politik murahan. Lebih-lebih lagi Menteri Besar sendiri enggan melihat itu ini dipolimikkan lagi.

Kata Zambry perbincangan yang dicadangkan itu bertujuan bagi mengetahui dan memperbaiki kaedah (methodologi) serta sampling yang digunakan untuk kajian yang dijalankan oleh mereka.

Beliau mengingatkan bahawa jika berlaku kekurangan di dalam kajian terutama dari segi kaedah dan sampling, pihaknya boleh membantu.

Bagaimanapun beliau mengulangi kerajaan negeri tidak berhasrat untuk terus berpolimek dalam

hal laporan yang dikemukakan KRI, sebaliknya untuk membetulkan persepsi sesetengah pihak kononnya Perak negeri kedua termiskin selepas Kelantan.

“Kita faham apa yang mereka cuba berikan lebih melibatkan kepada soal analisis, perspektif secara menyeluruh dan kalau kita lihat secara menyeluruh, negeri Perak bukanlah berada dalam kategori negeri miskin seperti sesetengah pihak cuba memberi gambaran,” katanya.

Menjawab soalan wartawan Menteri Besar berkata laporan KRI itu lebih kepada pendapatan purata RM6,000 rakyat, tetapi cara pembentangannya seolah-olah menggambarkan Perak merupakan negeri kedua termiskin.

Kerana kepada Zambry berdasarkan fakta-fakta sebagai contoh dari segi urusan, bajet dan pinjaman kerajaan negeri, ia bukanlah seperti yang digambarkan oleh sesetengah pihak.

Perlu diingat Perak tidak pernah mengambil pinjaman untuk membayar gaji, walaupun ada negeri lain berbuat demikian. Negeri mana dimaksudkan Menteri Besar tidak mengulasnya.

Zambry menjelaskan kekayaan sesebuah negari tidak hanya bergantung kepada pendapatan rakyatnya, tetapi banyak lagi indikasi lain, termasuk indeks harga pengguna, kuasa membeli, pemilikan harta tanah, peratusan kemiskinan, kadar inflasi dan pertumbuhan KDNK.

“Bukan kita menolak, tetapi kita nak tau juga dan sewajarnya semasa kajian itu, dapat diperincikan bersama dengan pihak kerajaan negeri kerana dapat membantu kita juga untuk melihat aspek-aspek mana yang perlu diperbaiki lagi,” katanya.

Justeru Menteri Besar meminta Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Institut Darul Ridzuan (IDR) memulakan juga kajian berkaitan negeri Perak untuk mengemaskini data-data.-
2/9/2016